



PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD (PNMB) merupakan sebuah syarikat percetakan yang ditubuhkan yang mempunyai 12 cawangan/Kedai di seluruh Malaysia.

PENYELIA / KETUA PENGAWAL KESELAMATAN (Kuala Lumpur)

Tanggungjawab:

- Menentukan premis PNMB di dalam keadaan selamat melalui pengawalan rapi oleh Polis Bantuan dan pos-pos pengawal tidak ditinggalkan. serta Polis Bantuan berada pada tahap kesiapsiagaan yang tinggi pada sebilang masa.
- Memastikan semua personal Polis Bantuan / Pengawal Keselamatan mematuhi dan melaksanakan tugas mengikut peraturan-peraturan dan perintah tetap / prosedur tetap keselamatan (SOP).
- Bertanggungjawab menguruskan operasi harian, lojistik dan pentadbiran Unit Keselamatan termasuk urusan penyediaan kad kuasa polis, tapisan keselamatan serta menyediakan jadual kerja atau rutin kerja Polis Bantuan / Pengawal Keselamatan.
- Merancang laluan kerjaya Polis Bantuan dan mengadakan Latihan secara berterusan kepada Polis Bantuan / Pengawal Keselamatan bagi memastikan mereka dapat melaksanakan tugas dengan baik dan mempunyai kesihatan fizikal yang cergas .
- Bertanggungjawab untuk menjalankan siasatan terperinci dan menyediakan laporan bertulis mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pelanggaran keselamatan atau ketidak patuhan dengan memajukan laporan secara terus kepada Pengurus Pentadbiran PNMB atau pihak pengurusan PNMB bila mana ia diperlukan.
- Bertanggungjawab untuk menjalin hubungan yang rapat dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Anti-Dadah dan badan-badan penguatkuasaan kerajaan yang berkaitan bagi maksud mendapatkan maklumat dan bantuan yang berkaitan untuk tujuan keselamatan PNMB.
- Membantu Bahagian Sumber Manusia dalam menyediakan maklumat dan laporan mengenai pekerja yang datang lewat serta pelanggaran disiplin atau etika kerja syarikat.
- Terlibat secara langsung dalam program ERT (Emergency Rescue Team/ Pasukan Penyelamat Kecemasan) yang dianjurkan oleh Unit SHE (Safety, Health and Environment / Keselamatan , Kesihatan dan Alam Sekitar).

Syarat-syarat:

- Memiliki Diploma setaraf dengannya dengan 3 tahun pengalaman sebagai Polis Bantuan atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) /setaraf dengannya beserta pengalaman selama 10 tahun atau lebih sebagai bekas Tentera atau Polis
- Mempunyai Sijil Asas Polis Bantuan
- Sihat tubuh badan, stabil fizikal dan mental.
- Mempunyai ciri-ciri ketua yang tegas dan cekap
- Disiplin, kerja berpasukan, komitmen, kerjasama, sikap positif dan integriti
- Boleh bekerja lebih masa bila diperlukan

**POLIS BANTUAN/PENGAWAL KESELAMATAN
(Kuala Lumpur)**

Tanggungjawab:

- Memastikan bahawa tubuh badannya sihat, cergas dan sentiasa siaga di dalam melaksanakan penguatkuasaan tugas harian seperti mana di dalam perintah tetap pasukan.
- Melaksanakan rondaan kawasan dan pagar perimeter bertujuan sebagai langkah pencegahan, mengelak dan mengenal pasti pencerobohan. Menentukan semua pintu ditutup dan dikunci mengikut masa yang telah ditetapkan.
- Mematuhi, melaksanakan dan menguatkuasakan tugas Polis Bantuan atau Pengawal Keselamatan dengan sepenuhnya di Pos-Pos Pengawal atau kawasan atau tugas mengiring (bersenjata/ tanpa senjata) mengikut peraturan-peraturan dan perintah tetap / prosedur tetap keselamatan (SOP).
- Membuat laporan aktiviti harian dan ketidak patuhan peraturan keselamatan oleh staf PNMB, pelawat, kontraktor serta melaporkan sebarang kerosakan peralatan dan harta PNMB kepada Ketua Pengawal/ Penyelia Keselamatan.
- Mengawasi dan memeriksa staf PNMB, pelawat dan kontraktor di pintu masuk dan pintu keluar.
- Memberi peringatan keselamatan kepada staf PNMB, pelawat dan kontraktor agar memelihara peraturan dan keselamatan harta benda syarikat.
- Mematuhi dan melaksanakan penguatkuasaan ke atas perintah terkini dari pihak pengurusan berhubung aspek tugas dan aspek keselamatan.
- Merekodkan keluar masuk pelawat dan tugas menjawab panggilan talipon diluar waktu kerja.
- Melaksanakan lain-lain tugas keselamatan mengikut arahan pihak atasan.

Syarat-syarat:

- Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan yang setaraf dengannya
- Mempunyai Sijil Asas Polis Bantuan
- Boleh bekerja syif dan lebih masa
- Bekas tentera atau polis merupakan satu kelebihan dan digalakkan memohon
- Disiplin, kerja berpasukan, komitmen, kerjasama, sikap positif dan integriti

Kami menyediakan ganjaran pakej yang menarik termasuk elaun tetap pengangkutan, faedah perubatan, kemasukan ke hospital & pembedahan untuk diri dan tanggungan serta insurans hayat dan kemalangan diri.

Calon dikehendaki mengemukakan biodata lengkap termasuk:

- Butir-butir tanggungjawab kerja sekarang
- Gaji semasa dan dipohon
- Gambar berukuran pasport
- Sijil & dokumen berkaitan termasuk slip gaji terkini

ke alamat berikut:

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Jalan Chan Sow Lin

50554 Kuala Lumpur

Tel: 03-9236 6820/03-9236 6816

Fax: 03-9236 6999

Email: hr@printnasiona.com.my

Sila hantarkan permohonan sebelum **30 April 2017**. Hanya calon-calon yang disenarai pendek akan dimaklumkan.